

# KAEDAH HOS & AIS

■ KPDNHEP tumpas sindiket curi LPG bersubsidi untuk jual kepada sektor industri

Nurul Hidayah Bahaudin  
 nurul.hidayah@-  
 hmetro.com.my

Kajang

Curi gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi untuk isi rumah dan pindahkan ke dalam tong gas industri.

Itu dilakukan satu sindiket untuk mengutamakan keuntungan berganda yang beroperasi di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Kampung Baru Balakong, sejak setahun lalu.

Bagaimanapun, kegiatan itu terbongkar apabila premis berkenaan diserbu pegawai dan anggota penguatan kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor jam 1 tengah hari kelmarin.

Dalam serbuan itu, sebanyak 561 LPG pelbagai saiz dan dua lori diangarkan bernilai RM107,209 dirampas.



TONG LPG yang dirampas dalam serbuan di Kawasan Perindustrian Kampung Baru Balakong.

Pengarah KPDNHEP Selangor Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, pihaknya menahan seorang lelaki tempatan dan dua lelaki warga Indonesia berusia lingkungan 20-an yang bekerja di premis berkenaan untuk siasatan lanjut.

Katanya, modus operandi sindiket itu adalah memindahkan gas dari tong LPG seberat 14 kilogram (kg) bersubsidi ke tong LPG industri seberat 50kg yang dijual pada

harga sekitar RM160 hingga RM180 setiap satu.

"Mengikut pasaran, harga setong LPG industri sekitar RM260 hingga RM280.

"Namun, sindiket ini licik mencuri gas LPG bersubsidi yang harganya RM26.60 dan memindahkan pada skala tiga tong bagi setiap satu LPG industri," katanya ketika ditemui di lokasi serbuan.


Beliau berkata, pekerja di premis yang dijadikan

sebagai gudang menyimpan tong LPG itu menggunakan kaedah lama untuk memindahkan gas iaitu dengan hos dan ais.

"Kami percaya bekalan LPG diperoleh sindiket terbabit di sekitar Lembah Klang sebelum ia dijual kepada industri."

"Kes disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana kesalahan menyimpan barang kawalan di tempat yang tidak dilesenkan," katanya.

HARI : SABTU  
TARIKH : 20/7/2019  
M/SURAT : 33C



MUHAMAD Zikril Azan (kiri) melihat tong LPG yang dirampas dalam serbuan di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Kampung Baru Balakong, semalam.